IRFAN FARUQI MOHAMAD FAIRUS (dua dari kiri) dan beberapa pemenang lain bergambar selepas majlis penyampaian hadiah Pertandingan Pidato Jubli Perak PPZ-MAIWP di di Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/ABDUL NAZIR MOHAMED

Irfan Faruqi juara pidato Jubli Perak PPZ-MAIWP

KUALA LUMPUR 16 April - Percubaan kali pertama Irfan Faruqi Mohamad Fairus, 20, menyertai pertandingan pidato berjaya membawa tuah apabila diumumkan sebagai pemenang utama Pertandingan Pidato Jubli Perak Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) 2015.

Pelajar tahun pertama Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu berkata, dia berasa teruja apabila namanya diumumkan sebagai pemenang kerana tidak menyangka sama sekali berjaya menumpaskan lapan peserta lain yang tidak kurang hebatnya.

Katanya, persiapan rapi dilakukan dengan terperinci bagi memastikan fakta yang terkandung dalam ucapannya adalah tepat dan tidak bercanggah dengan pemahaman Islam.

"Alhamdulillah, dengan bantuan ibu bapa dan juga rakan-rakan, saya tidak menyangka percubaan buat kali pertama ini berjaya menjulang nama saya sebagai pemenang utama pertandingan pidato ini.

"Walaupun persiapan dilakukan agak tergesa-gesa kerana kesuntukan waktu namun dengan semangat serta keazaman, saya berjaya mengharungi cabaran itu," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Irfan Faruqi berjaya membawa pulang wang tunai bernilai RM2,000 berserta trofi dan sijil manakala pemenang tempat kedua disandang oleh Sharul Syafie Zariman, pelajar Universiti Malaya (UM) yang membawa pulang RM1,500 berserta trofi dan sijil.

Tempat ketiga pula diraih Mohd. Akmal Aizat Umar dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang membawa pulang RM1,000 berserta trofi dan juga sijil.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP, Abdul Hakim Amir Osman; Pengarah Pusat Islam Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Mejar Daud Mohamed Salleh dan motivator merangkap ketua juri, Fadzli Yusof.

Dalam pada itu, Abdul Hakim berkata, program itu bertujuan memberi pendedahan dakwah berhubung zakat kepada pelajar-pelajar universiti serta sebagai platform bagi memberi pendidikan tentang kepentingan membayar zakat.

Katanya, PPZ-MAIWP juga bercadang menjadikan pertandingan pidato itu sebagai acara tahunan dan mengharapkan penglibatan lebih banyak universiti dari dalam dan juga luar negara.

"Apa yang diharapkan, pertandingan seperti ini dapat mendidik para pelajar universiti berkaitan zakat dan hubung kaitnya dengan ekonomi Islam. Secara tidak langsung, acara seperti ini dapat memberi pendedahan tentang kepentingan membayar zakat dalam kalangan umat Islam," katanya.